

Najib: Usah salahkan sesiapa ekoran kematian jurukamera di Somalia
The Malaysian Insider
04 September, 2011
Oleh Boo Su-Lyn

SUBANG, 4 Sept — Datuk Seri Najib Razak meminta orang ramai tidak mempersalahkan sesiapa atas kematian jurukamera Bernama TV yang menyertai misi kemanusiaan di Somalia, kelmarin.

Perdana Menteri berkata keselamatan tidak boleh dijamin seratus peratus meskipun langkah-langkah berjaga diambil ataupun diberi latihan.

"Kadangkala, meskipun anda memakai jaket kalis peluru, ia tidak beri jaminan 100 peratus," kata Najib pada sidang media di Pangkalan TUDM di sini hari ini selepas menerima jenazah.

Jenazah Allahyarham Noramfaizul Mohd Nor yang maut akibat terkena tembakan curi semasa membuat liputan misi kemanusiaan di Mogadishu tiba kira-kira pukul 10 pagi tadi.

Najib berkata adalah sesuatu yang tidak bertanggungjawab untuk tuding-menuding dalam isu ini sambil menekankan, adalah penting agar belajar daripada tragedi semasa untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang.

"Sebagaimana saya katakan, tidak sesiapa yang boleh jamin apa-apa. Jika anda tidak bersedia untuk mengambil risiko, maka duduk di rumah," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada penganjur Kelab Putera 1 Malaysia seharusnya bertanggungjawab atas kematian Noramfaizul, Najib berkata, soalan itu tidak timbul dan "sangat tidak sensitif, yang saya tidak akan jawab."

Sehubungan itu katanya, kematian Noramfaizul tidak akan menghalang Malaysia daripada mengadakan misi seterusnya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-usah-salahkan-sesiapa-ekoran-kematian-jurukamera-di-somalia/>